

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]

TARIKH : 21 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan dan usaha-usaha yang dilakukan bagi memastikan pelajaran murid-murid di kawasan luar bandar atau pedalaman tidak tercicir sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan bermula 18 Mac lepas akibat permasalahan 'jurang digital'.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk memastikan semua murid tidak ketinggalan dan dapat mengikuti pembelajaran secara berterusan dalam keadaan selamat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). KPM berusaha menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah *Home-based Learning* mengikut kesesuaian guru dan murid.

Kaedah *Home-based Learning* ini dilaksanakan melalui pelantar pembelajaran digital iaitu MOE-DL, yang kemudiannya dikenali sebagai Digital Education Learning Initiative Malaysia (DELIMa). Pelantar ini boleh diakses oleh guru dan murid. Selain itu, mereka juga boleh menggunakan pelantar EduwebTV, CikgooTube dan Kelas Digital untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

NO. SOALAN : 13

Pada 28 Mac hingga 2 April 2020, KPM telah menjalankan Kajian Kesediaan Murid dalam Pembelajaran Secara dalam Talian (*Online Learning*) melibatkan 670,118 responden yang terdiri daripada ibu bapa kepada 893,331 murid. Dapatan kajian menunjukkan 6.0 peratus murid memiliki komputer peribadi, 9.3 peratus murid memiliki komputer riba, 5.8 peratus murid memiliki tablet dan 46.5 peratus murid memiliki telefon pintar. Terdapat juga murid yang memiliki lebih daripada satu peranti bagi kegunaan pembelajaran secara dalam talian. Namun, dalam masa yang sama, masih terdapat 36.9 peratus murid tidak mempunyai sebarang peranti bagi membolehkan mereka mengikuti pembelajaran secara dalam talian.

Dapatan ini menunjukkan bahawa wujud jurang digital dalam kalangan murid, iaitu sebahagian besar mereka tidak memiliki peranti bersesuaian bagi membolehkan pembelajaran secara dalam talian dapat diikuti dengan berkesan. Terdapat juga kekangan dalam aspek tahap akses internet yang terhad. Ini merupakan antara cabaran besar kerana pembelajaran tidak dapat berlaku secara menyeluruh dan seragam kepada semua murid. Selain itu, pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian merupakan sesuatu yang baharu untuk kebanyakan guru, murid dan ibu bapa. Mereka masih memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan kaedah baharu ini.

KPM prihatin dan sentiasa berusaha untuk memastikan semua murid mendapat akses pembelajaran secara seragam, khususnya bagi murid di kawasan luar bandar dan pedalaman. Bagi membantu kumpulan murid yang tidak mempunyai akses kepada talian internet dan alat peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara dalam talian, kaedah *Home-based Learning* turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan. Siaran dilaksanakan melalui saluran TV Okey dan saluran Tutor TV Astro di saluran 601 dan 603.

Selain itu, bagi murid yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman khususnya, guru telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran melalui serahan bahan pembelajaran kepada murid. Serahan bahan ini dibuat melalui pelbagai kaedah seperti perkhidmatan pos, bantuan penghantaran oleh Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) dan kaunter pandu lalu di sekolah.

NO. SOALAN : 13

Segala usaha yang dilaksanakan ini jelas menunjukkan bahawa pihak sekolah serta guru begitu komited dan telah berusaha bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tanggungjawab untuk memastikan murid tidak ketinggalan atau tercicir dalam mengikuti pembelajaran yang sewajarnya. KPM ingin merakamkan penghargaan kepada semua guru atas segala usaha yang telah dilaksanakan bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran diteruskan walaupun dalam keadaan yang mencabar. Selain itu, KPM juga turut menghargai peranan ibu bapa dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran di rumah berjalan dengan baik.

KPM akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan kaedah *Home-based Learning* ini dari semasa ke semasa. Buat masa ini, KPM sedang merangka strategi pelaksanaan yang komprehensif dalam memperkasa pendidikan digital, termasuk pelaksanaan *Home-based Learning*.

Sekian, terima kasih.